

12 DEC 1999

ISTERI TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN DIKEBUMIKAN HARI INI

SHAH ALAM, 12 Dis (Bernama) -- Jenazah isteri Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Samsuddin, Allahyarham Datin Asmah Ali Hussain hari ini selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21 di sini, kira-kira pukul 11.15 pagi ini.

Turut kelihatan di tanah perkuburan itu adalah isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohamad Ali Rustam dan beberapa menteri Kabinet.

Aziz yang berkerusi roda datang dengan sebuah ambulans dari Subang Jaya Medical Centre (SJMC) ke tanah perkuburan, diringi keempat-empat orang anaknya untuk upacara pengkebumian itu.

Aziz bersama isteri serta anaknya, Nafrizal, 27, terbabit dalam kemalangan kereta di km 433 Lebuhraya Utara-Selatan, dekat Rawang semalam menyebabkan Asmah terbunuh selepas tercampak keluar dari kereta pacuan empat roda jenis Toyota Prado yang mereka naiki.

Aziz, 62, adalah setiausaha politik kepada Perdana Menteri sebelum diumumkan sebagai timbalan menteri dua hari lepas dan beliau dilantik menjadi senator bulan lepas.

Suasana di kediaman Aziz di sini penuh sesak sejak awal pagi ini dengan kehadiran orang ramai datang menziarah.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar serta isterinya tiba di kediaman Aziz di sini pada kira-kira kira pukul 9.30 pagi.

-- BERNAMA

AZH RI